

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA
(TITAS): PENGARUH PELAKSANAAN PEMBELAJARAN MENYERONOKKAN
(FUN LEARNING) KEATAS SIKAP DAN MOTIVASI PELAJAR BUKAN ISLAM**

Audrey Anak John
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Universiti, Bandar Barat, 31900, Kampar, Perak
Tel:+60198602426 Email: audreyj@utar.edu.my

Nur Afni Halil
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Universiti, Bandar Barat, 31900, Kampar, Perak
Tel: +60125950834 Email: nurafni@utar.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran menyeronokkan bukan lagi sesuatu yang asing didalam usaha kerajaan untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran didalam bilik darjah. Teknik didik hibur di dalam bilik darjah akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi dan kesediaan para pelajar bukan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan didalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan hubungkaitnya dengan sikap dan motivasi mereka. Kajian secara deskriptif ini akan menggunakan soalselidik, dan dapatan kajian akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Kajian ini adalah penting didalam mengwujudkan minat tenaga pengajar untuk meluaskan pengetahuan mereka disamping membantu mengwujudkan minat yang mendalam terhadap subjek TITAS. Tenaga pengajar yang kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran mampu menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan.

KEYWORDS: *Temadun Islam dan Temadun Asia (TITAS), pelajar bukan Islam, sikap, motivasi, pembelajaran menyeronokkan*

PENGENALAN

Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran yang berkesan? Adakah ianya dianggap sebagai pembelajaran yang berkesan apabila seseorang murid itu mempunyai keupayaan mengingat kembali yang tinggi (recall-ability) atau adakah faktor seperti pengaruh persekitaran yang kondusif juga turut menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan? Bolehkah pembelajaran berkesan wujud didalam suasana bilik darjah yang senyap dan serius sahaja? Bolehkah semua subjek tanpa mengira jenis dan tahap kandungannya (thoughtful dan non-thoughtful) diajar didalam suasana yang serius dan tenang?

Kajian Nurul Hakimah & Rosmani (n.d) membuktikan bahawa pembelajaran sebenarnya masih boleh berlaku dengan pengajaran yang menyeronokkan. Ini juga menolak dapatan kajian yang mengatakan pengajaran secara tradisionalnya hanya boleh berlaku apabila para pelajar berada didalam keadaan yang tenang dan serius. Pembelajaran yang maksimum mampu dicapai dengan persekitaran yang menyeronokkan, kerana suasana seperti ini mampu menerbitkan persekitaran yang positif didalam bilik darjah bukan sahaja kepada tenaga pengajar, tetapi juga

kepada para pelajarnya. Selain daripada itu, kajian juga membuktikan bahawa suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan mampu meningkatkan keyakinan pelajar dan membantu mereka mengekspresikan diri mereka dengan lebih mudah (Nurul Hakimah & Rosmani, n.d).

Seiring dengan matlamat untuk mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran khususnya didalam bilik darjah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011), telah mencadangkan penyerapan teknik didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Namun persoalannya, adakah teknik pembelajaran menyeronokkan ini sesuai digunapakai dikalangan para pelajar diperingkat universiti? Adakah teknik pembelajaran menyeronokkan ini sesuai untuk pengajaran semua jenis subjek seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang ditawarkan diperingkat universiti ini dan melibatkan para pelajar bukan Islam sebagai pelajarnya?

Berbeza dengan pendekatan autokratik untuk memastikan para pelajar kekal fokus dan mampu mengikuti proses pembelajaran (Abdul Rasid & Hasmah, 2013), pengajaran dan pembelajaran melibatkan para pelajar diperingkat universiti lebih terjurus kepada pengelibatan (participation). Namun begitu, disposisi pensyarah yang terlalu serius boleh menerbitkan suasana yang bosan dan pada masa yang sama akan mengurangkan pengelibatan para pelajar didalam proses pembelajaran berkenaan. Ini adalah kerana, fokus pembelajaran yang berbentuk "one-off" ataupun secara sehalu akan mengurangkan batasan hubungan diantara tenaga pengajar dan para pelajarnya (Shafee, Ramlee, Roselan, Sahandri Ghani & Mokhtar, 2011). Ini seterusnya akan menerbitkan rasa kurang selesa, kurang keyakinan diri untuk mengekspresikan diri dan tidak berani untuk berbincang dengan tenaga pengajar mereka berkenaan masalah berkaitan pembelajaran sesuatu subjek tersebut. Amalan pembelajaran seperti ini tidak akan menjadikan pembelajaran itu mudah dan akhirnya para pelajar akan mendapati proses penerimaan ilmu itu sangat mengecewakan dan bersifat sehalu.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian perlu dijalankan untuk mengetahui sama ada amalan pembelajaran menyeronokkan ini boleh mempengaruhi sikap dan motivasi para pelajar terhadap isi kandungan TITAS dan juga suasana didalam kelas semasa proses pembelajaran TITAS ini. Selain itu, kajian tentang amalan pembelajaran menyeronokkan masih kurang jelas terutamanya melibatkan pelajar-pelajar diuniversiti. Hal ini adalah demikian kerana kebanyakan kajian yang lepas lebih menumpukan kepada pengaruh amalan pembelajaran menyeronokkan terhadap kelompok guru dan juga melibatkan matapelajaran seperti Bahasa Melayu.

Didalam menghadapi cabaran kini dan masa depan yang serba kompleks, kefahaman tentang tamadun khasnya tamadun Islam dan tamadun Asia diharap mampu meningkatkan kefahaman dan pada masa yang sama menerbitkan daya keinsanan yang tinggi terutamanya kepada golongan muda. Subjek TITAS diperkenalkan diperingkat universiti supaya generasi muda mengetahui latar belakang pemikiran, pembudayaan dan sejarah yang berlaku terhadap sesuatu tamadun yang amat berkesan dalam mengubah "world view" masyarakat manusia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun, 2013 mengambil pendekatan mewajibkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) untuk menjadi subjek wajib diduduki oleh semua pelajar diInstitut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bersama-sama dengan dua kursus yang lain iaitu Pengajian Malaysia dan juga Hubungan Etnik. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar IPTA supaya faham dan prihatin tentang tamadun Islam dan beberapa tamadun lain yang ada di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap

keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut, sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Tindakan ini dilihat sangat wajar dan bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara ketika itu yang bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi pencapaian akademik dan juga jasmani, emosi dan rohani. Pendekatan ini juga dilihat sebagai dibuat bukan sahaja bagi menyelaraskan pengambilan subjek yang diambil oleh pelajar di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), tetapi bagi memupuk dan membina jati diri yang utuh khususnya kepada para pelajar yang merupakan pewaris atau peneraju negara ini kelak. Diajar sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu, beberapa pihak berkepentingan menyuarakan kebimbangan mereka yang mengatakan bahawa subjek TITAS ini tidak wajar dijadikan sebagai mata-pelajaran wajib diduduki oleh pelajar bukan Islam dan boleh mendatangkan masalah khususnya kepada mereka yang tidak pernah mengikuti sistem pendidikan di Malaysia. Ini adalah kerana bahasa pengantara di kebanyakan sekolah di Malaysia adalah bahasa Melayu, dan sudah semestinya bahasa Melayu adalah bahasa kedua kepada hampir kesemua pelajar bukan Islam ini.

Di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), para pelajarnya adalah terdiri daripada mereka yang datang daripada pelbagai latar-belakang pendidikan awal yang berbeza; sama ada aliran vernakular ataupun sekolah kebangsaan. Kepelbagaian latar-belakang pendidikan para pelajar bukan Islam di UTAR ini yang menduduki subjek TITAS sangat menarik untuk dikupas bagi membantu untuk memahami dengan lebih jelas sekiranya proses pembelajaran menyeronokkan akan mampu mempengaruhi sikap dan motivasi para pelajar ini terhadap proses pengajaran tersebut.

Kajian-kajian yang lepas dilihat lebih cenderung untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan yang jelas antara faktor pengajaran-pembelajaran dan juga pengaruh persekitaran keatas sikap dan motivasi seseorang pelajar. Kepelbagaian tanggapan mungkin sedikit sebanyak terhasil, antaranya apakah teknik yang sesuai untuk digunapakai didalam mata pelajaran seperti TITAS yang semua orang sedia maklum lebih banyak menjurus kepada kandungan sejarah dan peradaban? Selain daripada itu, adakah faktor ini mampu mencorak sikap dan motivasi yang berbeza? Tiada penerangan yang jelas terhadap pernyataan ini. Justeru itu, kajian rintis ini dijalankan untuk mengkaji sama ada datang dari aliran sekolah yang berbeza mampu mempengaruhi sikap dan minat para pelajar bukan Islam ini didalam pembelajaran subjek TITAS mereka.

Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kesediaan pelajar itu sendiri dan seterusnya memupuk minat yang tinggi untuk belajar dan berjaya didalam setiap matapelajaran yang diambil (Nurul dan Azizi, 2010). Motivasi ataupun penggerak (Azizi dan Jaafar, 2006) itu oleh didapati menerusi insentif dan juga motif. Insentif antara lain lebih kepada bentuk ekstrinsik seperti gred, wang dan juga pujian dalam tanda bintang. Sementara itu motif pula adalah kecenderungan seseorang individu untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat dan lebih berbentuk dorongan semula jadi. Budiawan (2008) dalam kajiannya berpendapat bahawa pengaruh persekitaran boleh mempengaruhi para pelajar untuk belajar. Didalam kajiannya terhadap sikap dan motivasi para pelajar terhadap bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia mendapati para pelajar ini mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris kerana mereka lebih terdedah kepada bahasa Inggeris (Nasir dan Hamzah, 2014). Selain daripada itu, faktor latar belakang pendidikan pelajar juga turut sedikit sebanyak menyumbang kepada sikap dan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran TITAS (Audrey, Afi Roshezry, Liana, Nor Ez-Zatul Hanani & Norazimah, 2016)

Kelas yang tidak ada jenaka dianggap membosankan dan juga dikatakan sebagai kurang mesra. Kajian lepas (Garner, 2006; Malikow, 2007 dan Frymier, Wanzer dan Wojtaszczyk, 2008) menyimpulkan bahawa suasana kelas yang diselangi humor lebih menyeronokkan dan membantu berlakunya interaksi guru-murid dengan lebih lancar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Selain daripada itu, persepsi mereka terhadap guru juga terlihat positif dan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada penilaian positif terhadap teknik pengajaran seseorang tenaga pengajar itu sendiri. Amalan pembelajaran menyeronokkan juga dikatakan mampu mengurangkan masalah personal yang timbul ekoran kurangnya interaksi pelajar dan tenaga pengajar mereka yang seterusnya menerbitkan masalah-masalah seperti kurangnya minat dan keyakinan diri untuk berinteraksi. Kurangnya keyakinan diri dan juga peluang para pelajar untuk berinteraksi akan membuatkan sesi pembelajaran itu membosankan dan para pelajar akan mendapati diri mereka terpaksa bergelut untuk memahami isi kandungan mata pelajaran tersebut. Ini sudah semestinya akan memberi kesan kepada pencapaian prestasi mereka. Ini jelas dibuktikan oleh kajian Willard (2006) dimana dapatan kajiannya menunjukkan bahawa amalan pembelajaran yang diselangi jenaka membantu dalam mempengaruhi sikap dan motivasi para pelajar terhadap mata pelajaran. Mereka akan lebih bersikap positif terhadap faktor-faktor seperti keupayaannya dalam meningkatkan kefahaman, ingatan, minat dan pelaksanaan tugas; meningkatkan motivasi untuk belajar dan kepuasan belajar serta menggalakkan kreativiti dan pemikiran secara pelbagai, dan pada masa yang sama meningkatkan tumpuan semasa didalam kelas.

METODOLOGI

Kajian ini adalah merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan kaedah kajian tinjauan bagi melihat persepsi pelajar bukan Islam terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan melibatkan isi kandungan dan juga suasana didalam kelas semasa proses pembelajaran subjek TITAS dan seterusnya persepsi mereka terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan ini didalam meningkatkan prestasi. Kajian ini melibatkan 50 orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah. Borang soal-selidik bagi tujuan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama mengandungi maklumat diri responden manakala bahagian kedua dipecahkan kepada tiga bahagian. Untuk bahagian pertama dan kedua, pengkaji menyenaraikan beberapa kategori amalan pembelajaran menyeronokkan dan responden dikehendaki memangkah jawapan berdasarkan kesesuaian (menurut persepsi responden) kategori tersebut kepada isi kandungan TITAS dan juga suasana didalam kelas semasa proses pembelajaran TITAS itu. Bahagian ketiga pula mengandungi soalan berkaitan persepsi responden terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan terhadap prestasi mereka. Analisis data secara deskriptif dipilih bagi mengenalpasti pengaruh amalan pembelajaran menyeronokkan keatas sikap dan motivasi pelajar bukan Islam didalam proses pembelajaran dan pengajaran TITAS.

PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan 50 responden diUTAR dan instrumen soal selidik bercorak tinjauan telah dibina dan ditadbirkan oleh penyelidik sendiri. Responden-responden kajian ini terdiri daripada 26 orang pelajar tahun satu, 17 orang dari tahun dua dan 10 merupakan pelajar tahun akhir.

Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan didalam pengajaran dan pembelajaran isi kandungan TITAS

Jadual 1 Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan didalam pengajaran dan pembelajaran isi kandungan TITAS

Kategori (Isi kandungan)	Kekerapan	Peratusan (%)
Penggunaan media (video klip / pembentang filem)	12	
Lawak jenaka	9	
Contoh	8	
Cerita	6	
Lawak kritikal / sinis	1	
Streotaip kehidupan kolej	2	
Ajukan	2	
Persembahan dari tenaga pengajar	5	
Main peranan	4	
Penggunaan bahasa kreatif	1	
Jumlah	50	908

Pengkaji menyenaraikan sepuluh kategori yang boleh digunapakai didalam amalan pembelajaran menyeronokkan semasa pengajaran dan pembelajaran isi kandungan TITAS. Daripada sepuluh kategori tersebut, kategori penggunaan media mencatatkan kekerapan paling tinggi dengan 12 orang responden (peratusan) manakala kategori penggunaan bahasa kreatif dan lawak kritikan dan sinis mencatatkan kekerapan paling rendah dengan hanya 1 responden.

Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan didalam suasana kelas pengajaran dan pembelajaran TITAS

Jadual 2 Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan didalam suasana kelas pengajaran dan pembelajaran TITAS

Kategori (Isi kandungan)	Kekerapan	Peratusan (%)
Penggunaan media (video klip / pembentang filem)	8	
Lawak jenaka	9	
Contoh	7	
Cerita	6	
Lawak kritikal / sinis	3	
Streotaip kehidupan kolej	1	
Ajukan	3	
Persembahan dari tenaga pengajar	7	
Main peranan	2	
Penggunaan bahasa kreatif	4	
Jumlah	50	908

Untuk memahami sama ada amalan pembelajaran menyeronokkan sesuai dengan suasana didalam kelas TITAS, pengkaji menggunakan sepuluh kategori yang sama seperti didalam amalan pembelajaran menyeronokkan semasa pengajaran dan pembelajaran isi kandungan

TITAS. Daripada sepuluh kategori tersebut, kategori lawak jenaka mencatatkan kekerapan paling tinggi dengan 9 orang responden (peratusan) manakala kategori stereotaip kehidupan kolej mencatatkan kekerapan paling rendah dengan hanya 1 responden.

Persepsi pelajar terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan dalam meningkatkan prestasi (sikap dan motivasi) pengajaran TITAS

Jadual 3 Persepsi (sikap positif dan negatif) pelajar terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan dalam meningkatkan prestasi pengajaran TITAS

Item	Min	Sisihan Piawai
Sikap Positif		
Membantu saya memahami isi kandungan TITAS	2.45	0.72
Mengalakkan peluang untuk saya lebih berfikir dan memberi pendapat semasa didalam kelas	1.90	0.45
Membantu dalam meningkatkan minat saya terhadap TITAS	2.75	0.76
Sikap Negatif		
Tidak semua isi kandungan TITAS boleh disampaikan secara pembelajaran menyeronokkan	2.10	0.79
Terlalu banyak lawak jenaka berkemungkinan akan mengganggu tumpuan saya terhadap isi kandungan TITAS	1.65	0.59

Skor min yang sederhana rendah bagi persepsi pelajar (merangkumi sikap positif dan sikap negatif) mereka terhadap amalan pembelajaran TITAS adalah faktor meningkatkan minat iaitu 2.75 sementara menggalakkan berfikir mencatatkan skor min yang terendah dengan 1.90 bagi kategori sikap positif. Bagi kategori sikap negatif pula, skor min terendah dicatatkan oleh kebarangkalian tumpuan akan terganggu dengan 1.65 skor min dicatatkan sementara pendapat bahawa tidak semua isi kandungan boleh disampaikan secara amalan pembelajaran menyeronokkan mencatatkan skor min sederhana rendah iaitu 2.10.

Jadual 4 Persepsi (motivasi) pelajar terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan dalam meningkatkan prestasi

Item	Min	Sisihan Piawai
Membantu mengembangkan pengetahuan saya terhadap sejarah dan peradaban manusia	2.55	0.76
Membantu saya bersungguh-sungguh dalam mempelajari TITAS	2.40	0.75
Membantu memberi tumpuan semasa didalam kelas	2.10	0.69
Membantu dalam mengalakkan saya meneroka dan menyelidik	1.90	0.59

Membantu dalam mengalakkan saya berfikir dengan lebih kreatif dan kritis	2.15	0.65
Mendorong saya untuk lebih melibatkan diri didalam aktiviti pembelajaran TITAS	2.40	0.72

Untuk kategori persepsi pelajar dari segi motivasi mereka terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan didalam meningkatkan prestasi, skor min sederhana rendah dicatatkan oleh keupayaannya didalam mengembangkan pengetahuan pelajar bukan Islam ini terhadap sejarah dan peradaban manusia dengan 2.55 skor dicatatkan. Sementara itu, skor min terendah dicatatkan oleh faktor membantu dalam menggalakkan lebih penerokaan dan penyelidikan dengan hanya 1.90 skor dicatatkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak semua kategori didalam amalan pembelajaran menyeronokkan bertepatan dengan isi kandungan sesuatu mata pelajaran tersebut, contohnya TITAS. Ini dibuktikan dengan Jadual 1 dimana kategori seperti penggunaan media mencatatkan kekerapan yang tinggi. Besar kemungkinan, faktor visual meningkatkan keseronokkan semasa para pelajar ini mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran TITAS ini. Sementara itu, kategori seperti lawak kritikal dan sinis beserta dengan penggunaan bahasa kreatif mencatatkan skor kekerapan terendah bukanlah satu perkara yang mengejutkan kerana, amalan seperti ini lebih personal dan bersifat individualistik. Berkenaan dengan sikap pelajar bukan Islam ini terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran TITAS adalah positif apabila ianya membantu didalam meningkatkan minat mereka terhadap matapelajaran tersebut dan juga membantu mereka memahami isi kandungan matapelajaran tersebut. Faktor minat dan pemahaman ini bukan sesuatu yang mengejutkan kerana seperti semua sudah maklum, sistem pendidikan diMalaysia dinilai dengan sistem pemarkahan. Oleh itu, minat beserta pemahaman yang tinggi akan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengingat semula (*recall ability*) isi kandungan yang penting didalam TITAS ini, dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik mereka. Selain daripada itu, oleh kerana keupayaannya didalam meningkatkan minat dan pemahaman para pelajar bukan Islam ini terhadap TITAS, ianya juga mempunyai perkaitan didalam membantu mengembangkan pengetahuan mereka terhadap sejarah dan tamadun manusia. Ini sudah semestinya satu yang positif dan menarik kerana walaupun pada mulanya minat yang dipupuk adalah untuk meningkatkan prestasi akademik tetapi ianya beransur kepada minat untuk lebih mendalami matapelajaran tersebut kerana hubungkaitnya dengan unsur-unsur kemanusiaan.

Oleh itu, penyelidik berpendapat sikap dan motivasi para pelajar bukan Islam ini terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan haruslah diberi penekanan semasa mereka mengikuti proses pembelajaran itu sendiri. Ini adalah kerana sedikit sebanyak ianya mempengaruhi minat dan juga pemahaman mereka terhadap isi kandungan TITAS tersebut yang seterusnya

mempengaruhi prestasi mereka. Dengan ini adalah disarankan, para pensyarah yang bertanggungjawab dengan proses pengajaran subjek TITAS ini bukan sahaja dapat memberi penekanan kepada faktor-faktor semasa pelajar-pelajar bukan Islam ini mengikuti subjek TITAS ini, antaranya masa yang diperuntukan tetapi juga memfokuskan kepada proses pengajaran itu sendiri bagi memastikan setiap isi kandungan TITAS itu disampaikan tetapi difahami dan diharapkan relevan bukan sahaja dengan keperluan industri malahan keperluan sahsiah individu itu sendiri.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada responden-responden yang terlibat didalam kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kawan pengkaji saya, Cik Nurafni yang tidak pernah jemu menyokong saya dari segala aspek dari awal cadangan kertas kerja ini sehingga keakhirnya. Terima kasih yang tak terhingga diucapkan.

RUJUKAN

- Audrey Anak John, Afi Roshezry bin Abu Bakar , Liana binti Mat Nayan , Nor Ez-Zatul Hanani binti Mohamed Rosli & Norazimah binti Abd Rashid (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Faktor pengaruh persekitaran keatas sikap dan motivasi pelajar bukan Islam. *Jurnal Sains Insani*, 2 (1), 7-11
- Azizi dan Jaafar Sidek.(2006). *Siri kaunseling: Membentuk identiti remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Budiawan. (2008). Pengaruh sikap bahasa dan motivasi belajar bahasa terhadap prestasi pada matapelajaran bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Tesis Sarjana, Universitas Indonesia Depok
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*. Vol. 5, 30-57
- Nasir, Z. M. dan Hamzah, Z.A.Z. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *ICLALIS 2013. Social and Behavioral Sciences*. 134, 408-415
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2), 49-63
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah dan Mokhtar Narawi (2011). Pengaruh amalan jenaka terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26 (1), 125-44.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Nurul Hakimah Abdul Rahim & Rosmani Ramin (n.d). Nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: BAKE @ EKABAHASA, satu kajian kes di Sekolah Rendah Yew Tee.
- Garner, R. L. (2006). Humor in pedagogy: How ha-ha can lead to aha! *College Teaching*, 54(1), 177–180 (Abstracts)
- Malikow, M. (2007). Staying motivated and avoiding burnout. *Kappa delta pi record*.
- Willard, M. (2006). Humor in the hands of seasoned montessorians. *Montessori Life: A Publication of the American Montessori Society*, 18(2) 50–53 2006
- Frymier, A. B., Wanzer, M. B., & Wojtaszczyk, A. M. (2008). Assessing Students' Perceptions of Inappropriate and Appropriate Teacher Humor. *Communication Education*, 57(2), 266–288.